

Rencana Pengarang/*Editorial*

Ilmu Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia:
Perkembangan dan Hala Tuju
Social Sciences and Humanities Universiti Kebangsaan Malaysia:
Its Direction and Development

Sejarah perkembangan ilmu sains sosial (termasuk kemanusiaan) umumnya bermula di Barat. Perkembangannya boleh diterangkan sebagai reaksi dan respons intelektual untuk menjawab soalan falsafah asas berkaitan dengan kemunculan dunia moden industri dan pasca industri. Walau bagaimanapun, di Malaysia titik permulaan sejarah perkembangannya adalah berbeza dengan yang terdapat di Eropah. (Untuk huraian lebih panjang tentang sejarah perkembangan sains sosial Malaysia rujuk penulisan oleh antara lain Rustam A. Sani dan Norani Othman (1991); Shamsul Amri Baharuddin (1993 & 1998); Abdul Rahman Embong (1995 & 2003); Tham Seong Chee (1981); Ramasamy (1983) dan Ishak Shari et. al (1999).) Perkembangannya adalah berkait rapat dengan keadaan sosial yang diwujudkan oleh pemerintah kolonial dan untuk memenuhi keperluan pentadbirannya. Ilmu sosial ketika itu telah dibina terutamanya untuk memenuhi keperluan menyediakan dokumentasi sosial akan data dan maklumat yang relevan yang boleh diguna oleh pentadbir British untuk melicinkan lagi pemerintahan mereka. Maklumat dan data ini dihasilkan oleh pegawai, pentadbir dan orang lain yang berada dalam perkhidmatan kolonialis itu (Tham, 1981).

Setelah berakhirnya pemerintahan kolonial pada tahun 1957, pada tahun-tahun 1960an pula telah terdapat dorongan baru untuk mengkaji sains sosial. Keperluan dan keadaan sosio-politik ketika itu telah memberi kesan terhadap perkembangan selanjutnya ilmu tersebut. Seperti semasa zaman penjajahan, bidang ekonomi kekal sebagai tumpuan utama sementara disiplin sains sosial lainnya walaupun diperkenalkan namun kurang dipentingkan.

Tahun-tahun 1970an merupakan titik peralihan yang signifikan bagi perkembangan sains sosial di Malaysia dengan tertubuhnya beberapa buah universiti baru termasuk UKM. Penubuhan UKM pada 18 Mei 1970 adalah sebagai tindak balas kepada tuntutan nasionalistik supaya sebuah institusi pengajian tinggi (IPT) yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya diwujudkan. Juga, untuk memenuhi hasrat dan aspirasi negara dan rakyat selain membolehkan lebih ramai tenaga kerja dilatih bagi membantu kerajaan melaksanakan program pembangunan negara. Sungguhpun, secara umumnya disiplin sains sosial tidak dilayan sama penting seperti disiplin sains, namun disiplin sains sosial telah diperkenalkan dan diajar di universiti baru ini.

Bersama-sama penubuhan universiti itu ialah tiga buah fakulti iaitu Fakulti Sastera, Fakulti Sains dan Fakulti Pengajian Islam. Dari segi organisasinya, berpayung di bawah Fakulti Sastera, yang kini dikenali sebagai Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), ialah beberapa Jabatan yang kesemuanya berorientasikan satu disiplin sebagaimana juga diamalkan di universiti negara-

negara di Eropah, United Kingdom, Amerika Syarikat, dan Australia. Jabatan yang mula ditubuhkan ialah Jabatan Kajimanasia dan Kajimasyarakat (kini dikenali sebagai Jabatan Antropologi dan Sosiologi), Jabatan Sejarah, Jabatan Geografi, Jabatan Ekonomi, Jabatan Bahasa, Persuratan dan Kebudayaan Melayu dan Unit Bahasa. Penubuhan jabatan-jabatan ini adalah selaras dengan perkembangan yang lebih luas berkaitan pengajaran dan penyaluran ilmu sains sosial di negara ini. Perkembangan ini pula adalah ekoran peningkatan kesedaran bahawa untuk menangani proses perubahan, pemodenan dan pembangunan negara perlukan lebih daripada pengetahuan mengenai ilmu ekonomi semata-mata. Bermula dengan lima buah Jabatan dan sebuah Unit itu, bilangan Jabatan dan Unit kemudiannya telah bertambah sebagai tindak balas kepada perkembangan ilmu sains sosial itu sendiri dan sebagai menyahut permintaan masyarakat dan pemerintah. Tahun-tahun 1970an ini merupakan tahun-tahun perancangan dan perkembangan. Pada tahun-tahun tersebut bukan sahaja kursus baru disediakan tetapi juga ramai tenaga akademiknya dihantar keluar untuk menjalani proses latihan lanjutan dan pemantapan. Pada tahun 1974 nama Fakulti Sastera kemudiannya telah ditukar kepada Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK).

Setelah sekian lama bergerak di bawah nama FSKK, pada bulan November 2001, Fakulti telah menjalani penstrukturan semula sebagai usaha mengurangkan pengkotakan pengetahuan (*compartmentalization of knowledge*) dan sebaliknya, menekankan *interdisciplinarity* dalam usaha mengorientasikan semula Fakulti supaya sesuai dengan tuntutan baru yang muncul ekoran perubahan yang berlaku di dalam universiti khususnya dan dalam negara dan antarabangsa amnya.

Hasil penstrukturan semula ini tiga buah fakulti, iaitu Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Fakulti Sains Pembangunan (FSP) dan Fakulti Pengajian Bahasa (FPB), digabungkan di bawah payung baru bergelar Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Dengan itu juga Jabatan-jabatan yang dulunya terdapat di bawah FSKK umpamanya telah disusun semula dan dikelompokkan di bawah enam buah Pusat Pengajian dan kini Jabatan digelar sebagai Program sahaja.

Dalam sejarahnya selama tiga setengah dekad, anggota Fakulti sentiasa prihatin dan mengambil kira perkembangan ilmu sains sosial yang berlaku di dalam dan luar negara. Keprihatinan ini pula cuba dijelmakan dalam kursus-kursus yang ditawarkan sama ada di peringkat pengajian pra atau pasca siswazah, dalam penulisan yang dihasilkan dan penyelidikan yang dijalankan. Ilmu yang diperolehi hasil pemerhatian, penyelidikan dan sebagainya itu pula disebarkan kepada komuniti sains sosial dan khalayak ramai melalui media massa, persidangan, forum, ceramah dan lain-lain.

Sungguhpun dari segi orientasi perkembangan awal ilmu sains sosial adalah dipengaruhi tradisi ilmu kolonial, namun, pada tahun-tahun 1960an dan 1970an telah terdapat usaha untuk memikir semula ilmu sosial ini supaya sesuai dengan keadaan tempatan. Dalam usaha untuk memperibumikan pengetahuan

(*indigenisation of knowledge*) ini maka, pada tahun 1974 sebuah persidangan bertemakan ‘Peranan dan Orientasi Sains Sosial dan Ahli-ahli Sains Sosial Malaysia’, telah dianjurkan oleh Jabatan Antropologi dan Sosiologi UKM dan berlangsung pada bulan Ogos. Hasil usaha seperti ini kemudiannya disebarluaskan kepada khalayak melalui penerbitan buku, bab dalam buku, makalah dalam jurnal, dalam seminar, forum dan persidangan dan lain-lain. Kini, selepas 35 tahun sejarah perkembangan sains sosial di UKM, boleh dikatakan usaha *indigenisation of knowledge* ini semakin terserlah dan diiktiraf.

Dalam keluaran khas ini sempena meraikan 35 tahun tertubuhnya UKM, beberapa makalah berkaitan perkembangan beberapa bidang ilmu sains sosial telah dihimpunkan. Sungguhpun Isu Khas ini tidak meliputi semua bidang, namun makalah yang terhimpun ini secara umumnya membuat refleksi tentang perkembangan pelbagai bidang dalam gugusan Sains Sosial di Malaysia amnya dan di UKM khususnya dalam beberapa dekad ini dan dalam pada itu melihat bagaimana perkembangan sains sosial tersebut terjelma dalam kurikulum pelbagai kursus serta graduan dalam gugusan sains sosial dan kemanusiaan di UKM. Kumpulan makalah ini juga meninjau pelbagai cabaran yang dihadapi ilmu sains sosial Malaysia selain membincangkan hala tuju gugusan sains sosial dan kemanusiaan dalam mengharungi abad baru dari segi pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat.

Hanapi Dollah dalam makalah beliau bertajuk ‘Pengajian Kesusasteraan Melayu Baru’ meninjau perkembangan pengajian kesusasteraan Melayu baru UKM. Pengajian ini bermula dengan penawaran beberapa kursus kesusasteraan baru yang meliputi hampir semua aspek tentangnya seperti genre prosa, tokoh, teori dan kritikan, serta sastera bandingan dan penulisan kreatif kepada pelajar peringkat sarjanamuda. Kursus kesusasteraan baru pada masa itu boleh dianggap bersifat *minor* dalam program pengajian Melayu. Program pengajian Melayu dilihatnya sebagai lebih memberi tumpuan kepada bidang bahasa dan kesusasteraan lama. Pengajian kesusasteraan baru hanya menjadi lebih ketara dan penting dengan penambahan kakitangan akademik dan pengenalan kursus-kursus baru, terutama apabila Jabatan Persuratan Melayu ditubuhkan pada tahun 1974. Apabila Jabatan itu digantikan dengan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu pada tahun 2001, bidang kesusasteraan menjadi satu program pengajian baru. Penulis berpendapat sekiranya semua perkembangan selama 35 tahun itu dilihat dalam kerangka dasar untuk meletakkan identiti dan peradaban Melayu di persada dunia sebagaimana yang dikemukakan oleh pengasasnya, Syed Muhammad Naguib al-Atas, maka perkembangan yang berlaku itu tidaklah sehebat yang diimpikan. Menurut penulis bidang pengajian ini perlu memposisikan semula dasar dan arahnya. Walaupun kesimpulan yang dibuat oleh penulis adalah tepat dalam konteks Jabatan/Pusat, namun dalam konteks yang lebih luas – Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) – boleh dikatakan sebahagian daripada impian yang disebutkan oleh penulis itu telahpun tercapai. Sebenarnya Pengajian Melayu

sudah tersedia ada *niche* nya, hanya perlu diserlahkannya lagi (untuk keterangan lebih lanjut tentang perkembangan Pengajian Melayu sila rujuk juga portal ATMA di www.malaycivilization.com).

Saran Kaur Gill pula dalam makalah beliau 'Language Policy and Planning: Understanding UKM's Past, Present and Future Concerns and Responses' telah menulis tentang perkembangan pengajaran bahasa Inggeris. Menurut beliau baru-baru ini Malaysia melaksanakan satu perubahan yang drastik berkaitan dasar bahasanya, iaitu perubahan penggunaan bahasa pengantar daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dalam bidang sains dan teknologi. Dalam tempoh 30 tahun yang lepas tidak sedikit sumber yang telah ditumpukan kepada perancangan korpus dan status bahasa Melayu supaya bahasa tersebut dapat berkembang dan digunakan sebagai bahasa saintifik dan teknologi. Berdasarkan situasi ini, perubahan yang berlaku baru-baru ini dari segi dasar berkaitan bahasa Inggeris telah membangkitkan pelbagai respons dan reaksi, terutama di UKM, yang telah memainkan peranan utama dalam pengembangan dan pemodenan bahasa Melayu sebagai bahasa sains. Perubahan yang berlaku ini telah digerakkan oleh faktor-faktor ekonomi dan sains dan teknologi. Faktor-faktor ini telah menimbulkan satu keperluan yang mendesak untuk sumber manusia yang memiliki keupayaan untuk terus memperolehi pengetahuan terkini dalam bidang sains dan teknologi, yang sebahagian besarnya terdapat dalam bahasa Inggeris. Dalam konteks ini penulis cuba memahami sifat respons dan kekhawatiran UKM berkaitan perubahan besar ini.

Melalui makalahnya 'Pengajian Ilmu Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia: Menoleh ke Belakang, Melangkah ke Hadapan', Rahimah Abdul Aziz telah meninjau perkembangan ilmu antropologi dan sosiologi selama 35 tahun bertapak di UKM. Makalah ini bertujuan membina semula masa lalu dan masa kini supaya dapat merenung masa hadapan program dan disiplin antropologi dan sosiologi khususnya yang terdapat di UKM. Dalam usaha menghasilkan makalah ini penulis telah menggunakan pendekatan *reflexive* terhadap pengajian ilmu antropologi dan sosiologi sebagaimana diajar dan diamalkan di UKM. Tinjauan dibuat mengenai impak dan sumbangan bidang antropologi dan sosiologi ini, kursus yang ditawarkan, latihan yang diberikan, cabaran yang dihadapi dan sebagainya. Sehubungan itu, penulis telah juga cuba menyatakan tentang masa depan bidang antropologi dan sosiologi di UKM khususnya. Penulis berpendapat bahawa secara umum masa depan bidang antropologi dan sosiologi adalah terdapat dalam keupayaannya menjadi penghubung kepada pelbagai pihak dalam masyarakat. Penyempurnaan peranan ini pula berkehendakkan ahli antropologi dan sosiologi mencapai kata sepakat tentang bagaimana hendak mengaplikasikan pengetahuan asas bidang tersebut untuk berkhidmat kepada masyarakat. Justeru, apa yang perlu dilakukan oleh anggota Program Antropologi dan Sosiologi ialah memuhasabah dirinya bertujuan menggubal semula (*reinvent*) program dan kursus supaya kekal relevan dengan peredaran masa dan perubahan keadaan.

Sharifah Mastura Syed Abdullah membincangkan perkembangan sub-bidang Geografi Fizikal secara spesifik dan bidang Geografi secara umum pada peringkat pra dan pasca penstrukturan semula FSSK, UKM melalui makalah beliau bertajuk 'Geografi Fizikal: Isu, Cabaran dan Prospek'. Penulis telah membahaskan usaha ke arah mengintegrasikan sub-bidang Geografi Fizikal dan Manusia demi menjamin kesinambungan ilmu ini di masa hadapan yang kini dicabar oleh disiplin lain yang bertindihan dan bersepadanan. Menurut penulis kejayaan dan kerelevanan disiplin ditentukan oleh keupayaannya mempertahankan kecekapan kemahiran yang tinggi dalam kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, bersikap interdisiplin, terbuka dan kreatif. Dalam hal ini penulis berpendapat Geografi Fizikal sentiasa bersedia menerima cabaran isu baru dan berani menangani isu merentas sempadan serta menyelami penyelidikan terkehadapan (*frontier*). Meninjau prospek masa depan beliau menunjukkan bagaimana pengamal disiplin ini berusaha memperkukuhkan kedudukannya dengan pengamal yang bereksperimen dengan pelbagai cara dan strategi dalam mencari ilmu baru dan terkini.

Akhir sekali, P. Ramasamy dalam makalah beliau 'Disiplin Akademik Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia', menulis bahawa lama hampir kira-kira dua dekad, program sains politik telah disusun atur mengikut subjek utama dan elektif atau pilihan dengan berdasarkan struktur Jabatan. Walau bagaimanapun, selesainya usaha penstrukturan semula Fakulti pada tahun 2001, struktur Jabatan telah digantikan dengan Program. Melewati perubahan dari segi pentadbiran ini, secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa sungguhpun program sains politik di UKM mendapat sambutan ramai, namun program ini terus dihantui masalah tertentu berkaitan epistemologinya. Penekanan yang kuat terhadap empirisme hasil banyak pengaruh akademia Amerika Syarikat, terus-menerus mengesampingkan peranan teori dan falsafah yang lebih besar dalam konteks melatih pelajar di peringkat pra dan pasca siswazah. Sungguhpun kerelevanan program ini boleh dilihat dari segi perkembangannya ke dalam pelbagai sub-bidang seperti hubungan antarabangsa, ekonomi politik antarabangsa dan kajian strategi dan keselamatan, tumpuan yang diberikan akhir-akhir ini terhadap pendekatan multidisiplin telah menimbulkan masalah dalam konteks memperkukuhkan disiplin utama itu sendiri.

Dalam isu ini telah juga dimuatkan dua buah ucapan yang disampaikan oleh Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi dan oleh Presiden, Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM) sempena Persidangan Antarabangsa Pengajian Malaysia ke-4 (MSC4), yang berlangsung pada 3 Ogos 2004. Secara umum kedua-dua ucapan tersebut telah menyentuh tentang perkembangan, kemajuan dan sumbangan ilmu sains sosial negara ini. Walau bagaimanapun, secara khusus ucapan Yang Berhormat Menteri terfokus kepada sumbangan sains sosial kepada pembangunan negara. Sementara, ucapan Presiden PSSM pula telah mengimbangi perkembangan sejarah Kajian Malaysia, selain mengenalpasti dan menggariskan

beberapa masalah ilmiah yang perlu ditangani untuk memajukan sains sosial di negara ini.

Akhir kata, kumpulan makalah yang terdapat dalam Isu Khas ini mencerminkan sumbangan anggota Fakulti dalam mengembang dan memantapkan tradisi keilmuan sains sosial Malaysia umumnya dan yang terdapat di UKM khususnya. Makalah-makalah tersebut dapat sedikit sebanyak menjelaskan tentang perkembangan beberapa bidang ilmu sains sosial UKM dan cabaran masa depan yang perlu diharungi dan ditangani. Boleh dikatakan cabaran yang dihadapi kini oleh anggota Fakulti adalah pelbagai. Bagi anggota yang baru beberapa tahun berkhidmat mereka harus terus mempertingkatkan usaha menyumbang kepada tradisi ilmunan itu. Bagi anggota Fakulti yang kanan pula, mereka harus berusaha ke arah menembusi ufuk ilmu.

Rahimah Abdul Aziz
Ketua Editor

Social Sciences and Humanities in Universiti Kebangsaan Malaysia: Its Development and Prospects

It is generally accepted that the history of the development of the social sciences (including humanities) has its beginning in the West. This development was as a reaction and intellectual response to the basic philosophical questions regarding the existence of the modern industrial and post-industrial world. However, the social sciences in Malaysia have different origin than that experienced in Europe. (For an extended elaboration of the historical development of the Malaysian social sciences please refer among others Rustam A. Sani and Norani Othman (1991); Shamsul Amri Baharuddin (1993 & 1998); Abdul Rahman Embong (1995 & 2003); Tham Seong Chee (1981); Ramasamy (1983) and Ishak Shari et. al (1999). Its development in Malaysia is closely related to the social situations created by the colonial administrators to fulfill its administrative needs. At the time, social knowledge was especially needed for social documentation of relevant data and information that could be used by the British to facilitate their administration. These information and data were produced by officers, administrators and others who were in the service of the colonialists (Tham, 1981).

After the colonial rule ended in the year 1957, the 1960s saw a new impetus to the study of the social sciences in Malaysia. The socio-political needs and situations of the time had left an impact on the subsequent development of the field. However, just as during the colonial era, economics remain the main focus, while the other social science disciplines were given less importance.

The 1970s marked a significant shift for the development of the Malaysian social sciences when several new universities were established, including Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). UKM was established in 18th May 1970 as a response to the nationalistic demand for a higher institution of learning that uses Bahasa Melayu as its medium of instruction. It was also to fulfill the national aspiration to enable more human resource to be trained to help the government implement its development programs. Although, generally the social science disciplines were not given equal importance as the sciences, nonetheless they were introduced and taught in the newly established universities.

Three faculties were created at UKM's inception, namely the Faculty of Arts, the Faculty of Science and the Faculty of Islamic Studies. In terms of its organisations the Arts Faculty or now known as the Faculty of Social Sciences and Humanities, encompassed discipline-based Departments similar to that found in the universities in Europe, United Kingdom, United States of America and Australia. These departments were Departments of Anthropology and Sociology, History, Geography, Economics, and Malay Literature and a Language Unit. The establishment of these Departments and Unit was in line with the more general development of the teaching and disseminating of social science knowledge in the country. This development in turn was subsequent of the increasing awareness that to manage change, modernisation and development, the country need more than just knowledge of the economics. Starting with these five departments and a unit, more departments were later established in response to the further development of the social science knowledge itself and to the demand of the society and the state. During those years new courses were introduced and many academic staff were sent abroad for advanced training. In 1974 the name of the Faculty was changed to the Faculty of Social Sciences and Humanities (Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK).

After about three decades of its establishment, in November 2001 the Faculty underwent a restructuring exercise as an effort to reduce the compartmentalization of knowledge and in its stead interdisciplinarity was emphasized. The restructuring was to re-orientate the Faculty towards new demands that came about as a result of changes taking place in the country and the world in general and in UKM in particular. The restructuring exercise saw the merging of three faculties, - the Faculty of Social Sciences and Humanities, the Faculty of Development Science and the Faculty of Language Studies – into a new faculty known as the Faculty of Social Sciences and Humanities. With the restructuring, the various departments were subsequently rearranged and regrouped under six schools and the departments are now known as programmes.

In the three and a half decades of the Faculty's existence its members are constantly aware and noted the development of the social science knowledge inside and outside the country. This is then reflected in the various courses offered at the undergraduate and post-graduate levels, in the publications and research conducted. The knowledge gained from observations, research and

other activities is then disseminated to the social science community and the public via the mass media, conferences, forum, talks and others.

In terms of its orientation, the social sciences in Malaysia were influenced by the colonial knowledge during its early years. However, in the 1960s and 1970s the efforts at rethinking were underway to ensure the social sciences reflect more accurately the local conditions. Among the efforts to indigenise knowledge in August 1974, a conference themed 'The Role and Orientation of the Malaysian Social Science and Social Scientists' was organised by the Department of Anthropology and Sociology, UKM. The outcomes of such efforts were then disseminated to the public through publication of books, chapters in books, articles in journals, seminars, forums and conferences. Now, after 35 years of its development in UKM, it can be said that the efforts to indigenise knowledge is increasingly recognized and acknowledged.

In this Special Issue to commemorate the 35th year of the establishment of UKM, articles reviewing the development of some fields in the social sciences are put together. Generally this collection of articles, although is not comprehensive reflects the development of some of the social science fields in Malaysia and in UKM in particular in the last few decades and how this development is reflected in the curriculum of the various courses offered in the campus. This collection of articles also looks at the various challenges faced by the social sciences and humanities, besides discussing its future direction in the new century in terms of the teachings, research, publications and community service.

Hanapi Dollah in his article titled 'Pengajian Kesusasteraan Melayu Baru' explores the development of modern Malay literature as a field of study in UKM. Modern Malay literature in UKM started with a few courses covering most aspects of the literary themes such as prose, writers, literary theory and criticism, as well as comparative and creative writing offered to the undergraduates. The courses then could be considered as a minor part of the Malay studies program. The major parts of the programme were Malay language and classical Malay literature. Modern Malay literature grew into a distinctive and full-fledged field of study as more academic staff joined the department and new courses were introduced, especially after the establishment of the Malay Letters Department. When the Department was expanded to become the School of Malay Language, Literature and Culture in 2001 following the restructuring exercise, the Modern Malay Literature becomes a new program. The writer opined that if the development of the modern Malay literature of the last 35 years is viewed within the framework of the premise that it could advance Malay identity and civilization at the global level as visualized by its founder, Syed Muhammad Naguib al-Atas, then it can be said that the achievement is minimal. As such, this field of study needs to reposition its policies and directions. Although the writer's conclusion is accurate within the context of the Department/School, nevertheless looking at it from a wider context – Institute of the Malay World

and Civilization (ATMA) – it can be said that some of the aspirations as mentioned by the writer has been achieved (for further information on the development of the Malay studies please also refer ATMA's portal at www.malaycivilization.com).

Saran Kaur Gill in her article 'Language Policy and Planning: Understanding UKM's Past, Present and Future Concerns and Responses', writes about the development of the teaching of the English language. The writer stated that Malaysia has recently faced a drastic change in its language policy from Bahasa Melayu to English for the fields of science and technology in the education system. Over the past thirty years, huge resources have been devoted to both status and corpus planning for Bahasa Melayu to develop and be used as a scientific and technological language. Given this situation, the recent policy shift to English has evoked varying responses and reactions, especially at UKM, which has played a major role in the development and modernization of Bahasa Melayu as a language of science. The current change has been driven by economic factors and science and technology. This has resulted in an urgent need for human resource with the ability to keep up with knowledge acquisition in the field of science and technology, which is predominantly in English. Given this context, the writer tries to understand the nature of UKM's responses and concerns regarding this major change.

Through her article 'Pengajian Ilmu Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia: Menoleh ke Belakang, Melangkah ke Hadapan', Rahimah Abdul Aziz reviews the 35 years of the development of the field of anthropology and sociology at UKM. For the purpose of writing this article the writer had adopted a reflexive approach. The writer reviews the past while outlining the present in order to reflect upon the future of the program and disciplines, particularly as found in UKM. The writer had looked into the impact and contribution of the discipline, the courses offered, training provided, and the challenges faced. The writer also discusses the future of the discipline in UKM in particular. It is the writer's opinion that the future of the disciplines of Anthropology and Sociology reside in its ability to bridge the various groups in society. However, the role requires that the anthropologists and sociologists come to an agreement on how the basic knowledge of the fields could be applied to serve the community. For this the members of the Program need to undergo self-criticism with a view to reinvent the program and courses in order to remain relevant in changing times and situations.

Sharifah Mastura Syed Abdullah in her article "Geografi Fizikal: Isu, Cabaran dan Prospek' discusses the development of Geography discipline in general and its sub-discipline Physical Geography in particular, during the pre and post restructuring exercise of the Faculty of Social Science and Humanities, UKM. Discussion of the discipline elaborates on the efforts taken by the members of the Department of Geography to integrate both the sub-disciplines Physical and Human Geography. Integration has been deemed necessary to ensure their

continuity and survival in the face of challenges posed by the overlapping of, or similarities with the other like disciplines. The writer is of the opinion that the success and relevance of the discipline is determined by its ability to maintain a high level of expertise in both the qualitative and quantitative research methodologies, and in its ability to remain open, liberal, creative as well as adopt an interdisciplinary perspective. In this context the writer feels that Physical Geography is ever ready to face challenges brought about by new issues and to deal with cross-disciplinary issues besides participating in frontier research. The writer also discusses the future prospects of the discipline and how its practitioners try to strengthen its position by experimenting with the various methods and strategies and to discover new knowledge.

Finally, P. Ramasamy in his article "Disiplin Akademik Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia", argues that for nearly two decades or so, the political science programme organized on the basis of core and elective subjects had the benefit of the departmental structure. However, with the completion of administrative re-structuring in 2001, a programme replaced the departmental structure. Beyond the administrative changes, despite its popularity the political science programme as whole in UKM continues to suffer from certain epistemological problems. The heavy emphasis on empiricism very much influenced by the American academia continues to negate the larger role of theory and philosophy in terms of training and equipping students both at the undergraduate and graduate levels. While the relevance of the programme can be seen in its expansion into various sub-fields such as international relations, international political economy and strategic and security studies, the recent emphasis on multi-disciplinary approach poses problems in terms of strengthening the core discipline as such.

In this Special Issue two speeches are also included. The Minister of Higher Education delivered one speech and the other delivered by the President of the Malaysian Social Science Association (PSSM). The speeches were delivered at the 4th International Conference of Malaysian Studies (MSC4), organised by the Association and held in August 2004. Generally, both speeches touched on the development and contributions of the Malaysian social sciences. However, the speech made by the Minister of Higher Education was particularly focused on the contribution of the social sciences to the country's development. The speech by the President of PSSM, on the other hand, reviewed the development of Malaysian Studies, besides identifying and outlining some of the academic problems that need to be addressed in order to further develop the Malaysian social sciences.

Finally, the collection of articles in this Special Issue reflects the contributions made by the Faculty members in developing the Malaysian social sciences in general and that of UKM in particular. The articles have reviewed the development of some of the social science fields in UKM and the future challenges that need to be addressed. Generally the challenges faced by the

Faculty are varied. For the junior members of the faculty the challenge is to continue enhancing their contributions to this knowledge tradition. The more senior members however should strive to penetrate the frontiers of knowledge.

RUJUKAN/ REFERENCES

- Abdul Rahman Embong. 1995. Pendahuluan: Satu ulasan untuk Mengembangkan Tradisi Ilmu Sosial Malaysia. Dalam Abdul Rahman Embong (ed). *Antropologi dan Sosiologi: Menggaris Arah Baru*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- _____. 2003. *Pembangunan dan Kesejahteraan: Agenda Kemanusiaan Abad Ke-21*. Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Ishak Shari et al. 1999. Senario Masa Hadapan Sains Sosial dan Kemanusiaan di Malaysia. Kertas Kerja Jawatankuasa Senat Tentang Penstrukturan Semula Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramasamy, P. 1983. The State of Social Sciences in Malaysia: A Brief Historical Review. *Ilmu Masyarakat*. Bil. 4:67-69.
- Rustam A. Sani dan Norani Othman. 1991. The Social Sciences in Malaysia: A Critical Scenario. *Akademika*. Bil. 38:5-28.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1993. *Antropologi dan Modenisasi: Mengungkapkan Pengalaman Malaysia*. Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- _____. 1998. Ethnicity, Class, Culture or Identity? Competing Paradigms in Malaysian Studies. *Akademika*. Bil. 53: 33-60.
- Tham Seong Chee. 1981. *Social Science Research in Malaysia*. Singapore: Graham Brash Ltd.

Rahimah Abdul Aziz
Editor-in- Chief